

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1997/1998

Februari 1998

PLG 452 - KOMPUTER DAN PENDIDIKAN

(Masa: 1 jam)

ARAHAN

Kertas soalan ini dibahagikan kepada dua (2) bahagian, iaitu **Bahagian A** dan **Bahagian B**.

Bahagian A (40 markah)

Mengandungi 30 soalan objektif. Anda dikehendaki menjawab kesemua 30 soalan dengan menandakan jawapan anda dalam kertas jawapan komputer (OMR) yang disediakan. Anda dikehendaki menggunakan pensil 2B bagi menghitamkan jawapan yang betul sahaja. Sila tuliskan angka giliran anda dengan jelas di atas kertas OMR tersebut.

Kertas soalan ini akan dikutip 30 minit selepas peperiksaan dimulakan.

Bahagian B (60 markah)

Mengandungi tiga (3) soalan esei. Anda dikehendaki menjawab mana-mana **satu** (1) soalan dalam bahagian ini.

...2/-

BAHAGIAN A (SOALAN OBJEKTIF)

Masa : 30 minit

PERHATIAN : Kertas soalan ini akan dikutip 30 minit selepas peperiksaan dijalankan.

1. Bahagian komputer yang memproses data dikenali sebagai
 - A Ingatan Baca Sahaja
 - B Ingatan Capaian Rawak
 - C Unit Pusat Pembaca
 - D Unit Pemprosesan Pusat

2. DOS adalah singkatan untuk
 - A Sistem Pengendalian Cakera
 - B Sistem Tatacara Cakera
 - C Sistem Pengendalian Terus
 - D Sistem Tatacara Terus

3. Siapakah yang telah membangunkan Sistem Pengoperasian Cakera DOS?
 - A John Napier
 - B Von Neumann
 - C Charles Babbage
 - D Bill Gates

4. Cikgu Joyce ingin memasukkan markah ujian peperiksaan pelajar dan menggunakan komputer untuk menjumlahkan dan mencari markah purata bagi setiap pelajar atau bagi setiap mata pelajaran. Pilih perisian yang paling sesuai digunakan
 - A Pukal grafik
 - B Hampanan Elektronik
 - C Pemprosesan Perkataan
 - D DOS

- 5 Yang manakah di antara berikut ialah contoh Hampan Elektronik
- A Dbase
 - B Excel
 - C Powerpoint
 - D Corel Draw
- 6 Komputer berdigit elektronik pertama di dunia ialah
- A UNIVAC-1
 - B IBM 7090
 - C Apple IIe
 - D ENIAC
- 7 Apakah yang terjadi apabila anda menekan kunci Ctrl?
- A Tiada apa-apa yang berlaku
 - B Kursor bergerak ke kanan
 - C Kursor bergerak ke kiri
 - D Paparan skrin naik ke atas
- 8 Program DOS mengandungi fail-fail arahan Luaran dan Dalaman. Arahan Dalaman adalah terkandung di dalam fail
- A UTILITY.COM
 - B MSDOS.SYS
 - C IO.SYS
 - D COMMAND.COM
- 9 Yang manakah di antara perintah DOS digunakan untuk menyediakan sektor-sektor dalam cakera liut baru supaya boleh digunakan untuk menyimpan data?
- A Diskcopy
 - B Dir
 - C Ren
 - D Format

- 10 Siapakah yang dikenali sebagai bapa komputer?
- A Blaise Pascal
 - B Charles Babbage
 - C Bill Gates
 - D Cobol
- 11 Komponen-komponen utama sesuatu komputer terdiri daripada unit
- A input, ingatan dan pemprosesan
 - B input, output dan ingatan
 - C input, ingatan, pemprosesan dan output
 - D input dan output
- 12 Berikut ialah contoh-contoh perisian penggunaan **kecuali**
- A Winword
 - B Excel
 - C Powerpoint
 - D C++
- 13 Untuk melihat senarai direktori dalam format melintang, kita harus taip arahan
- A dir/l
 - B dir/p
 - C dir/w
 - D dir/a
- 14 Berikut ialah kaedah yang digunakan dalam Pembelajaran Berasaskan Komputer (CBL) **kecuali**
- A Latih tubi
 - B Tutorial
 - C Simulasi
 - D Menulis aturcara program
- 15 Peranti yang membenarkan isyarat berdigit dihantar melalui telefon biasa ialah
- A Unit Pemprosesan Pusat
 - B Unit Kawalan
 - C Modem
 - D Unit Aritmetik & Logik

- 16 Salah satu daripada yang berikut **bukan** peranti input
- A Papan kekunci
 - B Tetikus
 - C ROM
 - D Mikrofon
- 17 Unit asas bagi ukuran muatan ingatan komputer ialah bait. Setiap satu bait mengandungi
- A 2 bit
 - B 8 bit
 - C 1,000 bit
 - D 1,000,000 bit
- 18 Komputer boleh membantu guru dalam tugas harian di sekolah **kecuali**
- A membantu guru dalam pengurusan pengajaran dan pembelajaran pelajar
 - B membebaskan guru daripada segala tugas berat yang berkaitan dengan pentadbiran pemarkahan
 - C mempercepatkan kerja penyediaan nota dan soalan ujian.
 - D memberi keselesaan kepada guru apabila digunakan sebagai alat bantu mengajar
- 19 Mel elektronik (E-mel) merupakan mel yang dihantar secara elektronik melalui komputer. Pilih pernyataan-pernyataan yang **benar** mengenai E-mel.
- I E-mel memerlukan alamat pengirim dan alamat penerima
 - II Penghantaran E-mel adalah lebih pantas dan murah
 - III Pengguna boleh menghantar salinan dan menyertakan lampiran
 - IV Satu contoh perisian E-mel ialah Eudora
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C II, III dan IV
 - D I, II, III dan IV

- 20 Yang manakah di antara berikut berkaitan dengan komputer generasi pertama?
- I Komputer ENIAC dicipta semasa Perang Dunia Kedua
 - II Komputer ENIAC mengisi ruang 1500 kaki persegi, beratnya melebihi 30 tan dan menggunakan 18,000 tiub vakum
 - III Komputer UNIVAC I yang pertama dijual kepada Biro Pembancian Amerika
 - IV Komputer UNIVAC I menggunakan transistor yang menggantikan tiub vakum
- A I dan II
 - B I, II dan III
 - C I, III dan IV
 - D I, II, III dan IV
- 21 World Wide Web (WWW) ialah satu sistem hipermedia yang menyediakan kemudahan untuk mencari dan memperolehi sebarang sumber maklumat yang terdapat dalam Internet. Pilih pernyataan-pernyataan yang benar mengenai WWW.
- I WWW dibangunkan di CERN, Switzerland
 - II WWW menggunakan konsep hiperteks
 - III WWW membolehkan pengguna melihat teks sahaja
 - IV WWW tidak berupaya memaparkan audio dan video
- A I, II, III dan IV
 - B I dan II
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 22 Yang manakah di antara berikut ialah sistem pengoperasian cakera?
- I PC-DOS
 - II MS-DOS
 - III OS/2
 - IV BASIC
- A I, II, III dan IV
 - B I, II, III
 - C I, II, IV
 - D I dan II

- 23 Yang manakah di antara berikut adalah alat pengarang
- I Macromedia Director
 - II Authorware Professional
 - III Bahasa C++
 - IV Multimedia Toolbook
- A I, II, III dan IV
B I, II, III
C I, II, IV
D I dan II
- 24 Antara berikut yang manakah **benar** tentang DOS?
- I Program DOS terdiri daripada Arahan Dalaman, Arahan Luaran
 - II Arahan CD adalah untuk membersihkan skrin
 - III Arahan MD adalah untuk mencipta satu direktori baru
 - IV Arahan Format akan memadam dan menghapuskan semua data dan fail
- A I, II, III dan IV
B I, II, IV
C I, III, IV
D III dan IV
- 25 Antara berikut yang manakah **benar** tentang Sekolah Bestari?
- I Pada tahun 2000, semua sekolah akan menjadi Sekolah Bestari
 - II Disokong oleh kurikulum fleksibel dan terbuka
 - III Pendemokrasian pendidikan sepenuhnya
 - IV Salah satu aplikasi perdana dalam MSC
- A I, II, III dan IV
B I, II, III
C II, III dan IV
D II dan IV

- 26 Dalam proses perkembangan teknologi maklumat yang kian pesat ini, Internet telah menjadi suatu sebutan yang lumrah dalam perbualan seharian. Antara berikut yang manakah **benar** tentang Internet?
- I Boleh menggelintar fail-fail daripada komputer lain yang dihubungkan melalui internet
 - II Internet ialah suatu rangkaian yang menghubungkan komputer-komputer di merata tempat di dunia
 - III Boleh digunakan untuk pendidikan jarak jauh
 - IV Penghantaran dan pengiriman maklumat lebih pantas dan murah
- A I, II, III dan IV
 - B II, III dan IV
 - C III dan IV
 - D I, II dan III
- 27 Pernyataan-pernyataan yang manakah **benar**?
- I HTML ialah sejenis bahasa pemrograman
 - II HTTP merupakan protokol utama yang digunakan untuk memindah alih maklumat yang diperlukan antara komputer
 - III Hyperteks membolehkan kita melihat halaman yang berkaitan dengan cara mengklik butang atau ikon
 - IV Emel Internet adalah lebih berbentuk multimedia berbanding dengan WWW
- A I, II, III dan IV
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I, II dan III
- 28 Antara berikut yang manakah **benar** tentang komputer?
- I Komputer generasi pertama menggunakan transistor
 - II Komputer generasi kedua menggunakan tiub vakum
 - III Komputer generasi ketiga menggunakan litar bersepadu
 - IV Transistor tidak mudah terbakar seperti tiub vakum
- A I, II, III dan IV
 - B I dan II
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 29 Antara berikut yang manakah **benar** tentang sistem rangkaian komputer?
- I Rangkaian Kawasan Tempatan (LAN) bermaksud merangkaikan komputer-komputer melalui kabel dalam jarak yang terhad
 - II Rangkaian Kawasan Luas (WAN) memerlukan modem dan satelit
 - III Rangkaian Kawasan Bergerak memerlukan kabel yang panjang untuk merangkaikan komputer-komputer
 - IV Sistem rangkaian komputer membolehkan bahan-bahan perisian dikongsikan
- A I, II, III dan IV
B I, II dan IV
C III dan IV
D I, II dan III
- 30 Komputer akan tahan lebih lama sekiranya perkara-perkara berikut dilaksanakan
- I Letak di tempat yang tidak berhabuk
 - II Jauhkan dari radio dan televisyen
 - III Elakkan daripada terkena air
 - IV Semasa lampu pemacu cakera menyala, jangan masukkan atau keluarkan cakera liut
- A I, II, III dan IV
B I, III dan IV
C I, II dan III
D I dan III

BAHAGIAN B : (Soalan Esei)

Jawab mana-mana **SATU** soalan dalam bahagian ini.

2. Salah satu aplikasi perdana Koridor Raya Multimedia (MSC) ialah Sekolah Bestari. Dari segi konsep Sekolah Bestari, huraikan
- (a) peranan pelajar
 - (b) peranan guru dan
 - (c) peranan pentadbir
- (60 markah)
3. (a) Nyatakan langkah-langkah yang patut diamalkan untuk mengelakkan komputer daripada diserangi virus. (20 markah)
- (b) Huraikan perkembangan komputer dari generasi pertama sehingga generasi kelima. (40 markah)
4. (a) Apakah kelebihan-kelebihan menggunakan Pembelajaran Berasaskan Komputer (CBL)? (20 markah)
- (b) Bincangkan dua jenis perisian Pembelajaran Berasaskan Komputer (CBL) yang berikut
- (i) Latih Tubi
 - (ii) Simulasi
- (40 markah)

- 0000000 -